

**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA [BKBN]
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN PELBAGAI KASUT BAGI PROGRAM KHIDMAT BAKTI
NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-7, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN SEBUTHARGA : 31/JULAI/2017/BKBN/1.40/17

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Syarikat/Pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dari **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari/waktu bekerja.
3. Yuran Sebutharga adalah **\$10.00** sahaja bagi setiap sebutharga dan tidak akan dikembalikan kepada setiap Syarikat/Pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebutharga yang sah ('bona-fide quotation').
4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada **Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN]** semasa waktu bekerja melalui talian talipon: **2340033 / 2340045** yang bertempat di **Ibupejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN], Blok 18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas BB3713, Negara Brunei Darussalam.**
5. Sebutharga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan Bilangan dan Tajuk Sebutharga serta tarikh tutup sebutharga tanpa menyatakan nama Syarikat/Pembekal dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**
6. Sebutharga yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **Peti Sebutharga** yang disediakan di:

**Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut Tetamu
(depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110,
Negara Brunei Darussalam.
[PETI SEBUTHARGA BERWARNA HIJAU]**

Tidak lewat jam 2.00 petang hari Khamis, 17hb Ogos 2017.

7. **Tarikh terakhir** mengambil dokumen sebutharga adalah pada hari **Rabu, 16hb Ogos 2017 jam 11.00 pagi.**
8. Sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Sebelum Dokumen Sebutharga dikeluarkan, setiap Syarikat/Pembekal adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar Yuran Sebutharga dengan kadar yang telah ditetapkan.
10. Sebutharga mestilah dihadapkan dengan menggunakan Borang Sebutharga yang telah disediakan. Sebutharga yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
11. Setiap Borang Sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran (seperti kenyataan para 11) dan salinan resit pembayaran yuran sebutharga (seperti kenyataan para 5).
12. Syarikat/Pembekal yang dimiliki oleh Pegawai/Kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima sebutharga yang rendah atau lain-lain sebutharga.
14. Salinan resit pembayaran (perenggan 3), sijil perniagaan disertakan bersama dengan Dokumen Sebutharga.
15. Kesemua Syarikat/Pembekal yang mengambil bahagian dalam sebutharga adalah **DIMESTIKAN** untuk hadir ke "**Taklimat Sebutharga**" pada hari **Rabu 16hb Ogos 2017 jam 11.00 pagi** di **Ibupejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN], Blok B18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas BB3713, Negara Brunei Darussalam.**
16. Syarikat/Pembekal yang menolak atau membatalkan sebutharga atau kontrak setelah kebenaran sebutharga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).